

**TEKS UCAPAN
YB DR. MASZLEE BIN MALIK
MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA**

**SEMPENA
PERASMIAN PERSIDANGAN PENYELIDIKAN
DAN
INOVASI PENDIDIKAN KEBANGSAAN
(PPIPK 2018)**

**PADA
12 DAN 13 SEPTEMBER 2018**

**TEMPAT
DEWAN SERI TEMENGGONG
IPGK TEMENGGONG IBRAHIM JOHOR**

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Yang berbahagia Rektor IPGM
Yang Berusaha Pengarah PIPK IPGM

Yang Berusaha
Tn Hj Mohd Zain bin Badui
Pengarah IPGK Temenggong Ibrahim Johor

Yang dihormati
Para pensyarah
Para peserta persidangan Penyelidikan dan Inovasi
Serta hadirin yang dihormati sekalian.

Hadirin sekalian,

1. Terlebih dahulu saya ingin memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia serta izin-Nya, dapat saya hadir dalam Persidangan Penyelidikan dan Inovasi Pendidikan Kebangsaan 2018 yang diadakan di IPG kampus Temenggong Ibrahim.

2. Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak urus setia kerana sudi menjemput saya hadir dalam majlis ilmu ini. Selain merasmikan persidangan ini, kesempatan yang ada ini akan saya gunakan untuk beramah mesra dengan warga IPGKTI kerana kehadiran saya ke sini merupakan lawatan pertama saya, sejak saya dilantik menjadi Menteri Pendidikan Malaysia.

Warga dewan yang dihormati sekalian,

3. Bersempena dengan persidangan ini, saya ini, saya ingin menyentuh tentang tema persidangan ini iaitu Melestarikan Penyelidikan dan Inovasi ke arah Revolusi Industri 4.0. Rasional pemilihan tema ini adalah berlandaskan kepada perkembangan pendidikan dan industri yang berlaku pada ketika ini.

4. Secara umumnya penyelidikan dapat ditakrifkan sebagai suatu aktiviti sistematik dan berdisiplin yang dijalankan untuk mewujudkan dan mengembangkan ilmu pengetahuan. Ia membabitkan pelbagai bentuk merentasi disiplin, termasuk penemuan penyelidikan saintifik dan sosial, penciptaan atau pembaikan konsep dan teori, teknik

atau komposisi, atau memperluas pemahaman semasa melalui analisis kritikal. Sementara Inovasi pula boleh ditakrifkan sebagai sebagai penciptaan serta implimentasi sama ada berbentuk proses, produk, perkhidmatan atau kaedah penyampaian yang baru, yang berupaya memberi peningkatan yang signifikan terhadap hasil, kecekapan, keberkesanan atau kualiti. Kedua-dua elemen ini perlu disatukan untuk menjadikan pendidikan di negara ini bergerak seiring dengan perkembangan teknologi maklumat pada ketika ini. Revolusi 4.0 pula secara umumnya melibatkan *Internet of Things* (IoT) dalam hampir semua aspek kehidupan seharian dan berbeza daripada revolusi industri pertama yang tertumpu kepada penggunaan mesin berkuasa wap, kedua kepada elektrik, dan ketiga kepada penggunaan teknologi maklumat (IT). Sehubungan dengan itu, tema untuk persidangan ini adalah amat relevan kerana tema tersebut menampakkan kesedaran tentang keperluan pendidikan pada masa ini.

Tuan-tuan dan warga dewan sekalian.

5. Mengapakah penyelidikan dalam pendidikan perlu dilakukan?

Dalam bidang akademik, penyelidikan dibuat untuk menyelesaikan sesuatu masalah. Di akhir penyelidikan, diharap keputusan yang ditemui hasil dari penyelidikan tersebut dapat menyelesaikan masalah tersebut ataupun sekurang-kurangnya mengarah kepada penyelesaian. Sementara itu, inovasi pula secara langsung dikaitkan dengan kreativiti. Seseorang yang kreatif dan inovatif akan menjadi seorang yang sentiasa berfikir, ingin mencipta, bercita-cita besar, berani dan yakin kepada diri sendiri.

6. Penyelidikan dan inovasi ini perlu dijadikan amalan dalam kalangan warga pendidik di negara ini kerana konsep pengajaran dan pembelajaran pada masa ini tidak hanya terarah dari pemberian maklumat dari guru semata-mata sebaliknya pelajar-pelajar sendiri perlu mendapatkan maklumat-maklumat yang

relevan tentang apa-apa yang dipelajari melalui pelbagai sumber khasnya secara maya. Dengan kata lain, konsep pengajaran dan pembelajaran memerlukan pelajar belajar secara sendiri dan tidak hanya menjadi penerima ilmu semata-mata. Mereka perlu berubah kepada kaedah penghasil ilmu bersama atau *co-curators of knowledge* berikutan perkembangan pesat teknologi.

Oleh hal yang demikian, perubahan minda dalam kalangan warga pendidik amat dituntut untuk mereka membentuk semula pengajaran dan pembelajaran yang selaras dengan perkembangan teknologi terkini.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

7. Seperti yang telah saya katakan, penyelidikan mempunyai kaitan yang amat rapat dengan inovasi. Inovasi sangat dituntut dalam Islam kerana dapat memberi nilai tambah dan kebaikan yang berterusan kepada kehidupan ummah. Firman Allah dalam Surah Ar Ra'du ayat 11 bermaksud:

*“Bagi manusia ada malaikat-malaikat yang selalu mengikutinya bergiliran, di muka dan di belakangnya, mereka menjaganya atas perintah Allah. Sesungguhnya **Allah tidak mengubah keadaan sesuatu kaum** sehingga mereka mengubah keadaan yang ada pada diri mereka sendiri. Dan apabila Allah menghendaki keburukan terhadap sesuatu kaum, maka tak ada yang dapat menolaknya; dan sekali-kali tak ada pelindung bagi mereka selain Dia”.*

Warga dewan yang dihormati sekalian,

8. Penghasilan sesuatu inovasi memerlukan sinergi yang kuat antara kecerdasan akal fikiran, kreativiti dan keunikan. Dalam hal ini, inovasi dapat memupuk pemikiran yang kreatif dan meningkatkan produktiviti kerja. Selain itu, inovasi amat sinonim dengan konsep modenisasi. Dua konsep ini mempunyai hala tuju yang hampir sama yakni melaksanakan pembaharuan yang memberi manfaat dan kebaikan kepada masyarakat. Bagaimanapun, wujud tanggapan bahawa dalam keghairahan mencipta inovasi mahupun mengejar modenisasi, nilai-nilai tradisi semakin luntur. Mungkin tanggapan ini benar dan mungkin tidak, bergantung kepada sudut pandang sisi orang yang menilai. Tidak mustahil jika tanggapan ini akan menjadi satu realiti. Oleh itu, warga pendidik perlu memastikan dalam usaha mencipta inovasi dan mengejar modenisasi nilai-nilai tradisi akan terus terpelihara.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian

9. Penyelidikan dan inovasi ini perlu dijadikan budaya demi memartabatkan lagi sistem pendidikan di negara ini. Sebagai warga pendidik tuan-tuan dan puan-puan perlu berani menyelidik dan menghasilkan sesuatu yang baharu dan bermanfaat untuk mengatasi sebarang masalah.

“Jangan takut untuk berubah. Kita mungkin kehilangan sesuatu yang baik, akan tetapi pastinya akan memperoleh sesuatu yang lebih baik”.

“Apabila anda mempunyai keinginan untuk memulakan, anda harus memiliki keberanian dan kemampuan untuk menyelesaikannya, bukan sekadar mengakhirinya.”

Kata-kata ini merupakan kata-kata pakar motivasi yang boleh dijadikan sebagai pemangkin semangat untuk warga pendidik terus menjalankan penyelidikan dan seterusnya menghasilkan sesuatu inovasi khasnya yang berkaitan dengan pendidikan.

10. Sehubungan dengan itu, tuan-tuan dan puan-puan sekalianlah yang menjadi nadi dan tulang belakang untuk menjadikan penyelidikan dan inovasi ini sebagai amalan. Oleh hal yang demikian saya menyeru kepada semua warga pendidik agar memberanikan diri membuat penyelidikan dan inovasi kerana tindakan ini boleh membantu kepada peningkatan martabat pendidikan di negara ini.

Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, saya mengharapkan agar program ini berjalan dengan lancar dan mencapai objektifnya serta mendatangkan impak positif kepada semua warga pendidik.

Dengan lafaz “Bismillahirrahmanirrahim” saya dengan sukacitanya merasmikan Persidangan Penyelidikan dan Inovasi Kebangsaan Institut Pendidikan Guru Malaysia Kali Ke-3, 2018.

Sekian.

Wabillahitaufik walhidayah, wasalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.
